

TERMA DAN SYARAT
myPTPTN Anytime, Anywhere!

KEMPEN

1. Kempen **myPTPTN Anytime, Anywhere!** merupakan kempen anjuran PTPTN yang bertujuan untuk menggalakkan peminjam PTPTN melaksanakan bayaran balik pinjaman PTPTN secara konsisten, pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan menggunakan platform **myPTPTN** di samping mendidik orang ramai mengenai kelebihan transaksi tanpa tunai.
2. Peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik pinjaman melalui platform **myPTPTN** di dalam tempoh kempen berpeluang untuk mendapat cabutan serta tawaran hadiah yang menarik dengan jumlah keseluruhan bernilai **RM25,000** untuk dimenangi oleh **25 orang pemenang**.
3. Kempen ini juga menawarkan **Kategori Khas** istimewa buat pelanggan baharu yang **ke 2.5 juta berjaya memuat turun dan membuat pengesahan identiti** di myPTPTN.

TEMPOH KEMPEN

4. Tempoh kempen bermula **1 Januari 2025 sehingga 31 Mac 2025**.
5. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pertukaran atau pindaan tersebut melalui pemberitahuan dalam laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN.

KELAYAKAN UMUM

6. Terbuka kepada semua peminjam PTPTN yang merupakan **pengguna berdaftar myPTPTN** di dalam tempoh kempen.
7. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).

KELAYAKAN BILANGAN CABUTAN

8. Syarat penyertaan dan kelayakan cabutan adalah seperti berikut:-

Bil.	Perkara	Pengguna Baharu myPTPTN	Pengguna Sedia Ada myPTPTN
i.	Syarat Penyertaan	Terbuka kepada peminjam PTPTN yang memuat turun dan membuat pengesahan identiti di myPTPTN semasa tempoh kempen.	Terbuka kepada peminjam PTPTN yang merupakan pengguna sedia ada myPTPTN dan membuat bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui myPTPTN semasa tempoh kempen.
ii.	Kelayakan Cabutan	<p>a) Dua Puluh (20) kelayakan cabutan bagi peminjam PTPTN yang berjaya memuat turun dan membuat pengesahan identiti di myPTPTN semasa tempoh kempen.</p> <p>b) Sepuluh (10) kelayakan* cabutan bagi peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik pinjaman pendidikan minimum RM100 dalam satu transaksi melalui myPTPTN semasa tempoh kempen.</p> <p><i>*Kelayakan cabutan diberi sekali setiap bulan apabila peminjam PTPTN membuat bayaran balik pinjaman pendidikan minimum RM100 dalam satu transaksi.</i></p>	<p>Sepuluh (10) kelayakan* cabutan bagi peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik pinjaman pendidikan minimum RM100 dalam satu transaksi melalui myPTPTN semasa tempoh kempen.</p> <p><i>*Kelayakan cabutan diberi sekali setiap bulan apabila peminjam PTPTN membuat bayaran balik pinjaman pendidikan minimum RM100 dalam satu transaksi.</i></p>

9. Sekiranya berlaku kematian peminjam PTPTN dalam tempoh kempen, akaun pinjaman tersebut masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat kempen.

HADIAH KEMPEN DAN TUNTUTAN HADIAH

10. Peminjam PTPTN yang layak akan berpeluang memenangi hadiah berikut:

Cabutan myPTPTN Anytime, Anywhere!

Hadiah	Bilangan Pemenang
RM1,000	25

Kategori Khas

Hadiah	Bilangan Pemenang
RM2,500	1

11. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.
12. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi **akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang** sebagai bayaran balik pinjaman dalam tempoh **DUA (2) BULAN** daripada tarikh cabutan.
13. **Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi**, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut, akan dikreditkan ke dalam akaun **Simpan SSPN Prime** pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara **pre-opening**.
14. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
15. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.
16. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.
17. Hadiah perlu dituntut oleh pemenang dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang. Pihak PTPTN tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tamat tempoh tersebut.
18. Sekiranya pemenang meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang.
19. Pemenang atau warisnya dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan.
20. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

PERUNTUKAN UMUM

21. Untuk mengambil bahagian di dalam kempen ini, peminjam PTPTN mestilah termasuk di dalam kriteria kelayakan dan memenuhi mekanisma kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak PTPTN, peminjam PTPTN tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen.
22. Penyertaan peminjam PTPTN di dalam kempen ini adalah atas risiko sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
23. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN/ media massa/ paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peminjam untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
24. Peminjam PTPTN adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang PTPTN dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat serta mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat ini.
25. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
26. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peminjam PTPTN tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
27. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
28. Sekiranya terdapat percanggahan terma dan syarat kempen ini di dalam bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan kempen ini, maka terma dan syarat di dalam laman web rasmi PTPTN adalah yang muktamad. Sebarang perkara mengenai kempen yang tidak dinyatakan dalam terma dan syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak PTPTN.
29. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peminjam PTPTN termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peminjam PTPTN, dan/ atau

persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barang atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peminjam PTPTN hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.

30. Segala surat-menyerat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN dianggap telah diserahkan kepada peminjam PTPTN.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
myPTPTN Anytime, Anywhere!*

Maklumat dikemaskini pada 30 Disember 2024